

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

15. Masalah trafik dan kesesakan terutamanya di waktu puncak. Apakah tindakan atau perancangan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan

- | | | | | |
|-----|-------|------|-------|--------|
| (a) | Relau | ke | Bukit | Jambul |
| (b) | Batu | Uban | ke | Sg |
| (c) | Sg | Dua | ke | Lip |
- Dua
Sin.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

15.

15. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan masalah trafik dan kesesakan lalu lintas yang berlaku di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Tindakan dan perancangan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MBPP) untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan-kawasan yang dinyatakan adalah seperti berikut :-

1. Relau ke Bukit Jambul

1. Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan ‘green wave’ di jalan utama bagi kawasan

- Bayan Baru di Jalan Tun Dr. Awang dan Jalan Mahsuri;
2. Mengenakan syarat kepada pemaju di kawasan Sungai Ara dan Bayan Baru bagi menaik taraf jalan seperti membina jalan baharu menyambungkan Jalan Merbah dari Jalan Dato' Ismail Hashim ke Jalan Sultan Azlah Shah, menaik taraf persimpangan Jalan Tun Dr. Awang / Jalan Bukit Gambir, membina laluan bawah (*underpass*) di bulatan Bayan Baru dan pelebaran Lebuh Bukit Jambul;
 3. Membina tanjakan berarah (*directional ramp*) dari Lebuh Bukit Jambul ke Jalan Bukit Kukus untuk mengurangkan kesesakan di persimpangan Jalan Paya Terubong / Tingkat Bukit Jambul;
 4. Mengkaji sistem jalan sehala di sebahagian Lebuh Bukit Jambul.

2. Batu Uban ke Sungai Dua

1. Mencadangkan pembinaan di Jalan Sultan Azlan Shah di Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Sungai Dua / Jalan Batu Uban;
2. Menambah baik fungsi sistem lampu isyarat di kawasan Batu Uban dan Sungai Dua dengan menaik taraf sistem lampu isyarat dan mengoptimakan masa lampu isyarat dari semasa ke semasa mengikut isipadu lalu lintas; dan
3. Melaksanakan perkhidmatan bas percuma CAT Sungai Dua bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam dalam urusan sehari-an.

3. Sungai Dua ke Lip Sin

1. Melaksanakan jalan sehala di kawasan-kawasan yang berlaku kesesakan seperti di Lorong Nipah 4 dan Lorong Nipah 6;
2. Mengadakan jalan sehala dan kotak kuning di jalan hadapan sekolah SJK(C) Shih Chung Cawangan, SMK Sungai Nibong, dan SJK(C) Kwang Hwa bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu sekolah;
3. Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan 'green wave' di Jalan Sungai Dua dan Jalan Bukit Gambir; dan

4. Melaksanakan perkhidmatan bas percuma CAT Sungai Dua bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam dalam urusan sehari-hari.

Antara tindakan-tindakan umum lain yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

1. Mengambil tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan oleh Jabatan Penguatkuasaan MBPP;
2. Memasang *Closed Circuit Television* (CCTV) di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan. CCTV sedia ada akan dinaik taraf dengan menggunakan sistem analisis video (*video analysis*) untuk meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam;
3. Menambah baik dan menggalakkan penggunaan sistem bas awam untuk mengurangkan kenderaan persendirian; dan
4. Melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) yang merangkumi pembinaan sistem rel dalam menambah baik sistem pengangkutan awam serta pembinaan lebuh raya dan jalan raya baharu sebagai jalan alternatif yang akan menyuraikan kesesakan lalu lintas.